

---

Title	Pendekatan komunikatif dalam pengajaran imbuhan
Author(s)	Mohamed Naim Daipi
Source	<i>Sekata</i> , 9(2), 35-58
Published by	The Malay Language Council

---

Copyright © 1991 The Malay Language Council

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

This document first appeared in: Mohamed Naim Daipi. (1991). Pendekatan komunikatif dalam pengajaran imbuhan. *Sekata*, 9(2), 35-58.

This document was archived with permission from the copyright owner.

# **PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN IMBUHAN**

---

**oleh: Mohamed Naim Daipi**

## **PENDAHULUAN**

Bahasa mempunyai fungsi yang beraneka ragam. Salah satu yang penting ialah sebagai alat komunikasi. Halliday (1973) menemukan tujuh fungsi bahasa berikut:

### **1. FUNGSI PENYALURAN (THE INSTRUMENTAL FUNCTION)**

Penggunaan bahasa yang terbentuk dalam sesuatu lingkungan sehingga menyebabkan peristiwa-peristiwa tertentu terjadi atau tindakan-tindakan komunikatif yang menghasilkan kondisi tertentu.

- Cepat, masuk ke bilik.
- Sayalah yang membimbing budak itu.
- Ali didenda kerana melanggar orang tua itu.

## **2. FUNGSI PENGAWALAN (THE REGULATION FUNCTION)**

Penggunaan bahasa yang bertindak untuk mengawasi dan mengendalikan peristiwa-peristiwa atau pengawasan tingkah laku, persetujuan dan ketidaksetujuan, penetapan peraturan dan hukum.

- Masuklah, jika awak berani!
- Kalau Ali melanggar orang lagi, dia pasti dipenjarakan.
- Awak tentu kebasahan, jika tidak membawa payung.

## **3. FUNGSI PEMERIAN (THE REPRESENTATIONAL FUNCTION)**

Penggunaan bahasa untuk membuat pernyataan-pernyataan atau menyampaikan fakta-fakta, menjelaskan atau melaporkan sesuatu peristiwa, menggambarkan atau memerikan sesuatu kejadian.

- Matahari panas.
- Ali melanggar orang tua itu.
- Jalan ke kampung itu becak.

## **4. FUNGSI INTERAKSI (THE INTERACTIONAL FUNCTION)**

Penggunaan bahasa yang bertugas untuk memantapkan kelangsungan komunikasi; interaksi sosial yang keberhasilannya menuntut penerusnya mengetahui secukupnya mengenai loghat (siang), loghat khusus (jargon), lelucon, cerita rakyat (folklore), kiasan, adat istiadat, pergaulan dan budaya setempat.

- Mari kita makan.
- Beta hendak santap di istana itu.

## **5 FUNGSI KEPERIBADIAN (THE PERSONAL FUNCTION)**

Memberikan peluang kepada penutur meluahkan rasa hatinya, pandangan peribadinya serta reaksi-reaksi yang mendalam. Keperibadian seseorang biasanya ditandai oleh penggunaan fungsi personal bahasanya dalam berkomunikasi dengan orang lain. Dalam hakikat bahasa orang perseorangan ini sering memperlihatkan kesadaran serta perasaan, dan budaya pula turut sama berinteraksi dengan cara yang beraneka ragam.

- Saya lapar.
- Malang sungguh nasib budak itu.

## **6 FUNGSI HEURISTIK (THE HEURISTIC FUNCTION)**

Penggunaan bahasa yang dihubungkan dengan pemerolehan ilmu dan pengetahuan tentang sekelitaran. Biasanya penggunaan bahasa disampaikan dalam bentuk pertanyaan-pertanyaan yang menuntut jawapan pula.

- Mengapa malam gelap?
- Mengapa nasib budak itu sungguh malang?

## **7 FUNGSI IMAGINATIF (THE IMAGINATIVE FUNCTION)**

Penggunaan bahasa yang terdorong untuk mencipta, berkreatif dan sesuatu yang bersifat imaginatif. Menulis cerpen, menceritakan semula sesebuah cerita, mengisahkan semula cerita-cerita dongeng dan lain-lain lagi merupakan kegiatan penggunaan fungsi imaginatif bahasa; yang biasanya bersifat bebas, bertualang dan menjelajahi puncak-puncak keindahan.

Jadi; bahasa berperanan untuk berkomunikasi. Bahasa digunakan untuk menyampaikan maklumat, meluahkan perasaan, menyatakan sikap, nilai, pendapat dan kecendekiaan. Sementara pembelajaran bahasa pula berpusat dengan unsur-unsur komunikatif yang penting iaitu pertuturan, pendengaran, pembacaan dan penulisan. Dan oleh kerana bahasa juga digunakan untuk meluahkan pemikiran, pandangan dan konsep, maka pembelajaran bahasa sebaik-baiknya membabitkan peningkatan tahap berfikir seseorang pelajar.

Menerusi komunikasi, seseorang berinteraksi dengan orang lain dan mungkin membabitkan khalayak yang lain. Dalam keadaan yang sedemikian, seseorang penutur yang baik biasanya mengetahui akan kehadiran audiennya, tujuannya berkomunikasi, menyesuaikan mauduk, menyedari latar sosial; norma dan nilainya. Kesedaran tersebut menggambarkan tahap penggunaan yang berbeza daripada segi rima dan tekanan suara serta gerakan-gerakan anggota tubuh. Dengan kata lain, pembelajaran bahasa termasuk juga mempelajari penyesuaian penggunaan bahasa, nilai sosial dan konvensional; yakni kebudayaan.

## **PENDEKATAN KOMUNIKATIF**

Secara umum, pembelajaran dan pengajaran bahasa yang lalu menekankan peri pentingnya pelajar-pelajar menguasai bahasa menerusi strukturnya. Sukatan pelajaran pula hanya mengisi senarai tajuk-tajuk pengajaran bahasa yang menuntut para guru mengatur strategi dan matlamat pengajarannya. Dan kelangsungan pengajaran berkisar kepada pemilihan struktur, menerangkan bentuk dan kemudian, melatih tubi bentuk pilihan.

Sekadar contoh dalam tajuk ayat aktif dan ayat Pasif, biasanya para guru akan menerangkan bentuk dan struktur ayat-ayat tersebut. Penekanan terhadap penggunaan imbuhan-imbuhan tertentu seperti awalan *meN* dan *di* serta kedudukan pelaku dan objek sebagai penderita menjadi bentuk pilihan yang popular.

- *Salam* membaca *buku cerita* itu.
- *Buku cerita* itu dibaca oleh *Salam*.

Setelah menerangkan strukturnya, guru melatih tubi pelajar-pelajar dengan menggantikan Ayat aktif kepada ayat Pasif dan sebaliknya, atau dengan cara membina ayat berbentuk aktif atau pasif.

Penguasaan menggunakan bahasa dengan mengajar secara konseptual ini samalah seperti menerangkan sesuatu formula matematik. Pelajar-pelajar mungkin menjadi keliru apabila di dalam ayat aktif dan pasif ini tidak menggunakan awalan *meN* atau *di*, dan pelaku/objek tidak terletak di awal atau akhir sesuatu ayat.

- |   |                  |
|---|------------------|
| ● [Saya akan baca buku cerita itu]      | - aktif          |
| ● Buku cerita itu akan saya baca.       | - pasif          |
| ● Akan saya baca buku cerita itu.       | - pasif songsang |
| ● Saya terbaca buku tebal itu.          | - aktif          |
| ● Buku tebal itu terbaca oleh saya      | .- pasif         |
| ● Ayah saya sudah bercukur.             | - aktif          |
| ● [Ayah saya sudah mencukur janggut]    | - aktif          |
| ● Janggut ayah saya sudah bercukur      | - pasif          |
| ● [Janggut ayah saya sudah dicukur]     | - pasif          |
| ● [Janggut sudah dicukur oleh ayah (?)] | - pasif          |
| ● [Sudah ayah cukur janggut (?)]        | - pasif songsang |
| ● Ali terkenang akan ibunya.            | - aktif          |
| ● Ali terkenang oleh ibunya.            | - pasif          |
| ● orang itu kemalangan.                 | - pasif          |
| ● [orang itu ditimpa keadaan malang]    | - pasif          |
| ● Kemalangan menimpa orang itu (?)      | -                |

- Salmah terambil akan bukuku. - aktif
- [Salmah mengambil bukuku dengan tidak sengaja] - pasif
- Buku itu terambil oleh Salmah. - pasif
- (Bukuku diambil oleh Salmah dengan tidak sengaja) - pasif

Pengajaran secara konseptual memungkinkan pelajar-pelajar menguasai struktural tetapi akan berasa sukar menggunakannya dalam sesuatu situasi atau masa yang tertentu.

Semasa kita berkomunikasi, kita menggunakan bahasa untuk mencapai beberapa tujuan (hasrat) atau fungsi seperti membincangkan sesuatu, mengajak, meluahkan rasa marah, menabur janji, menyatakan pandangan dan sebagainya. Tambahan pula, fungsi komunikasi ini di dalam lingkungan atau konteks sosial. Seseorang penutur akan memilih satu atau beberapa cara untuk melahirkan atau menyatakan sesuatu hasrat atau pandangan/pemikirannya yang bukan hanya berdasarkan maksudnya dan perasaannya, tetapi menyesuaikan dengan orang yang diajak bicara atau mendengar pembicaraannya. Seseorang pelajar boleh berbicara secara langsung dan bebas dengan rakan sebayanya berbanding dengan gurunya.

Dan, oleh kerana komunikasi merupakan satu proses, tidaklah memadai jika pelajar hanya diajar untuk menguasai bentuk-bentuk bahasa, konsepnya, maknanya dan fungsi pembentukannya. Pelajar-pelajar harus didedahkan untuk menyesuaikan pengetahuan bahasa yang didapatinya dengan situasi sosial/budaya sewaktu berkomunikasi atau sewaktu membuat hubungan dengan orang lain.

Melalui tindak balas antara penutur dan pendengar (pembaca dan penulis), hubungan atau komunikasi tersebut lebih jelas dan bermakna, daripada pelajar hanya dapat menguasai struktur bahasa tetapi tidak dapat menggunakannya dalam konteks sosial. Menerusi hubungan secara itu,

pendengar akan memberikan reaksi atau isyarat akan faham tidaknya pengucapan/pernyataan seseorang penutur. Dengan demikian, penutur beroleh kesempatan menyemak dan membetulkan semula tuturannya/perbicaraannya supaya lebih jelas dan mencapai tujuan komunikasi yang lebih bermakna.

Dan oleh kerana bahasa itu untuk berkomunikasi, sesungguhnya pemelajaran bahasa menerusi pendekatan komunikatif dapat mencapai fungsi atau tujuan komunikasi.

Pendekatan komunikatif menekankan aspek pengucapan bahasa (struktural) dengan fungsi bahasa. pendekatan ini mewujudkan interaksi dua hala dalam situasi dan waktu yang sebenar. Pendekatan komunikatif juga dikatakan memberi penafsiran yang luas mengenai bahasa. Secara khusus, pendekatan komunikatif memberikan kita penafsiran yang bukan hanya terbatas kepada struktur (tatabahasa dan kosa kata) sesuatu bahasa, tetapi bertalian erat dengan fungsi-fungsi komunikatif yang berlangsung. Dengan kata lain, kita bukan sahaja melihat terbentuknya sesuatu struktur bahasa, tetapi juga menjangkau akan fungsi penggunaan bentuk-bentuk bahasa apabila kita berhubung.

Ciri struktural sesuatu bahasa sememangnya belum dapat digantikan oleh fungsi komunikasi. Bagaimanapun, ciri struktural ini sebenarnya belum dapat memenuhi keperluan-keperluan untuk berkomunikasi (Littlewood, 1981). Sekadar contoh, kalimat langsung seperti “Mengapa anda tidak menutup jendela itu?”, tidak mengandungi kekaburan atau ketaksaan dari sudut struktural. Tetapi menerusi sudut fungsi komunikasi memungkinkan timbulnya pemahaman yang berbeza. Kalimat tersebut bukan sahaja dapat ditanggap untuk membuat pertanyaan, tetapi juga untuk mengeluarkan arahan/perintah dan mengetengahkan cadangan, permintaan atau aduan. Dengan kata lain, sesuatu struktur ayat dalam ciri fungsi komunikasi boleh berubah-ubah; bergantung kepada situasi khusus dan faktor sosial.



Menerusi pendekatan komunikatif, sepotong ayat boleh berubah-ubah atau memberikan penafsiran yang luas, sepertimana yang dikatakan di atas tadi. Pendekatan komunikatif juga boleh mendedahkan pelajar akan sesuatu fungsi komunikatif (sekadar contoh: penutur meminta seseorang menutup pintu) dengan berbagai bentuk pilihan, seperti:

- Bolehkah anda menutup pintu itu?
- Jika tidak keberatan, tutupkan pintu itu.
- Tutuplah pintu itu.
- Tolong tutupkanlah pintu itu?  
dan lain-lain lagi.

Kadangkala sesuatu bentuk kalimat yang terbentuk secara langsung terbatas fungsi komunikasi disebabkan oleh faktor sosial. Sekadar contoh; kalimat “Awak lupa menutup pintu” boleh menjadi arahan secara langsung apabila permintaan tersebut diucapkan oleh seorang guru kepada muridnya, atau dengan murid yang lain, tetapi tidak mungkin terucapkan oleh murid kepada gurunya, atau guru kepada pengetuannya.

Pendekatan Komunikatif juga memberikan objektif yang berkesan akan pengajaran bahasa. Secara khusus, pendekatan komunikatif bukanlah bentuk pembelajaran dan pengajaran bahasa yang bertujuan untuk menguasai struktur, tetapi membangunkan strategi yang berkesan bagi menghubungkan struktur-struktur bahasa dengan tujuan-tujuan berkomunikasi dalam satu situasi khusus dan waktu yang sesuai. Dengan demikian, pendekatan komunikatif dapat memberikan pelajar-pelajar peluang menggunakan bahasa untuk tujuan-tujuan komunikasi atau membentuk pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses komunikasi menerusi bahasa.


Di dalam bilik darjah, pendekatan komunikatif merupakan proses komunikasi yang berlaku antara pelajar dengan pelajar atau antara guru dengan pelajarannya. Biasanya proses komunikasi ini pula dibangkitkan kerana adanya jurang informasi (information gap) antara penutur dengan

pendengar (Kasmadi, 1989); yakni pendengar belum mengetahui maklumat yang ingin disampaikan oleh penuturnya.

Adalah kurang berkesan jika tajuk atau situasi pilihan di dalam sesuatu pengajaran amat terbatas atau telah diketahui/dialami oleh pelajar. Sekadar contoh, "Apa yang kamu lakukan semasa di perpustakaan?" Oleh itu, guru hendaklah berusaha untuk mengadakan jurang informai ini, supaya fungsi komunikasi ini akan lebih berkesan.

Antara kegiatan-kegiatan yang boleh dijalankan di dalam darjah ialah:

- Murid-murid diberikan beberapa gambar bersiri dan mengaturnya mengikut susunan. Setelah itu murid-murid menceritakan semula cerita yang terkandung di dalamnya atau memberikan alasan-alasan yang menerangkan pilihan pelajar itu.



- Murid-murid diberikan tiga keping gambar bersiri yang berurutan tetapi pada gambar ke-4, murid-murid membuat telahan tentang puncak peristiwa yang mungkin berlaku.



- Pelajar-pelajar meramalkan kejadian yang akan berlaku dalam satu waktu yang terbatas dan memberikan alasan-alasan yang menasabah yang dapat mendukung ramalannya.

sekadar contoh:

- Apakah yang akan berlaku kepada Singapura dalam tahun 2000?
- Jika Singapura diperintah oleh seorang Perdana Menteri wanita.
- Apakah yang akan berlaku jika semua kenderaan berwarna kuning?
- Pelajar-pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada 5 orang. Setelah itu, setiap kumpulan

diberikan 20 keping gambar yang setiap gambar memperlihatkan peralatan sukan yang berlainan. Sementara pelajar mengenal pasti gambar tersebut, guru menuliskan setiap nama gambar tersebut di papan tulis.

Setelah itu, 4 pelajar diberikan 4 keping gambar setiap satu dan tidak ditunjukkan kepada rakan-rakannya yang lain. 4 gambar lebih ditelungkupkan di atas meja. Pelajar kelima (tidak memegang gambar) akan membuat telahan tentang apa yang akan dilakukan oleh Ahmad (sekadar nama) pada hujung minggu atau batas waktu yang lain. Murid tersebut akan memulakan dengan membuat pernyataan:

“Pada hujung minggu, Ahmad hendak bermain badminton.”

Jika seorang daripada pelajar berkenaan mempunyai gambar raket *badminton* atau *bola tangkis*, pelajar tersebut boleh membuat reaksi dengan pernyataan yang sesuai:

“Ahmad tidak boleh bermain badminton sebab raketnya saya pinjam (sudah patah dsb.)

Setelah itu, pelajar yang berkenaan mengetepikan gambar tersebut bagi menandakan kejayaannya yang pertama. Tetapi, jika tiada reaksi daripada rakan-rakannya, pelajar ke-5 tadi cuba meneka gambar yang terlungkup. Andai kata gambar pilihan tersebut tepat, maka pelajar tersebut memenangi satu markah. Dan sekiranya tidak tepat, maka pelajar tersebut dikehendaki meneruskan pernyataannya:

“Semalam, Ahmad bermain bola sepak dengan saya.”  
[Semalam, Ahmad tidak bermain bola sepak sebab bolanya bocor] jika keempat-empat pelajar tidak mempunyai gambar bola sepak.

[Benar. Semalam Ahmad bermain bola sepak dengan saya.]  
Jika penelah membuat telahan dengan tepat.

Pelajar pertama yang mendapat empat markah akan dianggap memenangi permainan ini.

- Pelajar-pelajar bermain “Main Peran” (role play) dengan tajuk yang mudah seperti menjadi anggota sebuah jawatankuasa yang sedang bermesyuarat mengenai kampung mereka yang akan dirobuhkan atau bertindak sebagai seorang ayah yang menerima aduan berikut.



# BEBERAPA PENDEKATAN PENGAJARAN IMBUHAN

## 1. PENDEKATAN ANALISIS SEMANTIK

Pendekatan analisis semantik merupakan pendekatan yang menghendaki para pelajar menghafaz fungsi penggunaan imbuhan dan mengetepikan unsur-unsur yang sehubungan dengan pembentukan struktur ayat.

- Kasim *berjalan* ke sekolah.
- Ibu sedang *bersolek* di dalam bilik.
- Sarah *bernyanyi* untuk menghiburkan hatinya.

Guru menerangkan maksud perkataan *berjalan*, *bersolek* dan *bernyanyi*, dan pelajar pula menempatkannya ke dalam satu daripada senarai fungsi imbuhan beR yang terpaksa dihafaz oleh pelajar. Lutfi Abas (1988) menempatkan imbuhan beR dalam senarai maksud berikut.

- i) membuat pekerjaan atau melakukan perbuatan
  - Saya *bercerita* kepada Daud.
  - Budak itu *bersembunyi* di situ.
- ii) meminta bantuan
  - Ahmad *berguru* kepada ulama itu.
  - Siti *berbomoh* kepada orang itu.
- iii) melakukan perbuatan untuk diri sendiri
  - Rama *berlari* di padang sekolah.
  - Dia *bercukur*.
- iv) mengeluarkan bunyi
  - Ayam *berketuk*.
  - Pemuda itu *bersiul*.

- v) mempunyai dan memakai sesuatu
- Beng Teng *berduit*.
  - Suryati *berbaju* baru.
- vi) mengadakan sesuatu
- Kami *berpesta* setelah kejadian itu.
  - Pengakap itu *berkhemah* di situ.
- vii) memberi sesuatu
- Pemimpin itu sedang *berpidato*.
  - Siti *bersedekah* kepada si miskin.
- viii) menjadi dan mengerjakan sesuatu
- Ayahnya sedang *bersawah*.
  - Kita mesti *bersatu*.
- ix) mencari nafkah dan bekerja sebagai
- Sarah *bernyanyi* di kelab malam.
  - Abangnya *bertukang* di kampung ini.
- x) memanggil seseorang
- Kami *berencik-encik* kepadanya.
  - Kita *bertuan* kepada Haji Ahmad.
- xi) penanda ragam lepas (infinitif)
- Kegemarannya *berlari*.
  - Dia tahu *berniaga*.
- xii) melakukan perbuatan berulang-ulang
- Dia *bernyanyi* sahaja sepanjang hari.
  - Emak *berjual* nasi lemak tiap-tiap pagi.
- xiii) telah di
- Kain itu telah *berjahit*.

- Suratku kepadanya telah *berbalas*.
- xiv) saling melakukan perbuatan terhadap satu sama lain
- Mereka *berbalas* pantun.
  - Budak-budak itu *bertumbuk*.
- xv) kena
- Dia *berhujah* sewaktu pulang ke rumah.
  - Kami *berpanas* di padang sekolah.
- xiv) pengganti penjodoh bilangan
- Kami *berdua* akan pergi.
  - Mereka *bertiga* kenalan saya.

Bayangkan akan pelajar yang terpaksa menghafaz senarai panjang maksud imbuhan tersebut. Kita sedari bahawa kerja menghafaz pula merupakan kegiatan pasif yang kurang memberikan kesan akan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Apatah lagi, terdapat perkataan-perkataan yang sukar digolongkan ke dalam maksud tertentu, seperti perkataan *bermalam*, *bersalah* dan sebagainya.

Begitu juga terdapat beberapa perkataan yang boleh digolongkan ke dalam lebih daripada satu maksud, kecuali pelajar menganalisis struktur ayat tersebut atau memahami akan fungsi ayat tersebut diucapkan, sekadar contoh:

- Dia *berhujan* sewaktu pulang ke sekolah. (iv)
- Dia suka *berhujan*.
  
- Saya *berbasikal*.
- Saya *berbasikal* ke sekolah.
  
- Suratku kepadanya telah *berbalas*. (xiii)
- Suratku kepadanya belum *berbalas*.



- Ayah sedang *bersawah* (viii)
- Abangnya *bertukang* di kampung ini. (xi)
- Dia *bernyanyi* sepanjang hari. (xii)
- Sarah *bernyanyi* di kelab malam. (ix)
- Saniah *bernyanyi* untuk menghiburkan hatinya.

Koh Boh Boon (1982) mengatakan bahawa senarai (maksud imbuhan) panjang tidak akan memberi liputan yang mencukupi kepadafungsi semantik imbuhan Melayu yang begitu banyak dan kompleks. Seseengah imbuhan dalam konteks ayat yang tertentu tidak boleh di-analisis atau dijelas dengan menyakinkan dari segi fungsi semantiknya.

Pendekatan analisis semantik ini mencenderungkan para guru menyusun bahan pengajarannya secara deduktif; iaitu menyatakan hukum dan kemudian menjelaskannya dengan contoh-contoh. Pembelajaran bahasa yang menjurus ke arah hukum tatabahasa ini, mengurangkan pelibatan pelajar secara aktif; belajar mengenai imbuhan dan bukan bagaimana menggunakannya.

## 2. PENDEKATAN ANALISIS STRUKTURAL

Pendekatan analisis struktural ini berbeza sekali dengan analisis semantik. Analisis struktural menegaskan fungsi struktur iaitu pola-pola ayat yang mengandungi imbuhan-imbuhan tertentu. Sekadar contoh di dalam ayat “Sulaiman berlari dengan pantas”, imbuhan *ber* merupakan kata kerja tak transitif yang disusuli dengan frasa adverb yang menunjukkan gaya dan kemudian membandingkannya dengan bentuk ayat yang lain.

Koh Boh Boon (1982) menegaskan bahawa analisis struktural memerihalkan fungsi sesuatu imbuhan dalam konteks penggunaannya dengan bahagian-bahagian lain sesuatu ayat tetapi juga membandingkan dengan satu atau lebih daripada imbuhan yang bersabit. Dengan kata lain,


fokus analisis struktural adalah atas penggunaan yang betul dalam pola-pola ayat yang hampir sama dan bukanlah secara menghafaz maksud. Dan, bahan pengajaran disampaikan dalam cara induktif, yakni pelajar dipandu untuk memperolehi sesuatu hukum bahasa.

### 3 PENDEKATAN ELEKTIK

Pendekatan elektik merupakan gabungan daripada kedua-dua pendekatan yang dibicarakan lebih awal tadi; dan memberi penekanan yang seimbang kepada fungsi semantik dan struktur. Bahan-bahan untuk pendekatan elektik tidak disusun secara deduktif, mahupun induktif.

Pendekatan elektik boleh disampaikan dalam salah satu dari cara berikut:

Cara 1:



Guru memulakan pengajarannya dengan memberikan contoh-contoh ayat dan menerangkan pola-polanya serta penggunaan imbuhan-nya. Setelah itu para pelajar memberikan contoh-contoh tambahan. Kemudian, pelajar-pelajar dibimbing sehingga memperolehi generalisasi berkenaan. Akhirnya pelajar-pelajar memberikan contoh lain dalam konteks yang serupa.

Cara 2:



Cara kedua ini bertentangan dengan cara pertama. Para guru menampilkan generalisasi pilihan sebelum menjelaskannya dengan con-

tohan-contohan. Pelajar-pelajar memberikan beberapa contoh lain dan guru meneliti contoh tersebut. Kemudian, setelah penerimaan murid memuaskan guru, guru sekali menerangkan generalisasi tersebut yang digunakan dalam konteks ayat yang hampir sama.

Koh Boh Boon (1982) menyatakan bahawa pendekatan elektik ini memberikan penekanan kepada fungsi semantik dan struktural. Dalam pengajaran imbuhan fungsi semantiknya dapat digantikan dengan penerangan-penerangan tambahan.

- Budak itu *tergemuk* di darjahnya.
- Dia *terjatuh* ke dalam longkang.

Awalan *teR* dalam ayat tersebut ditambah atau digantikan dengan maksud semantiknya.

- Budak itu paling gemuk di darjahnya.
- Dia jatuh ke dalam longkang dengan tidak sengaja.

## **BEBERAPA AKTIVITI PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN IMBUHAN**

Beberapa panduan mengenai ciri-ciri pendekatan komunikatif:

1. Walaupun proses komunikasi berlaku antara murid dengan murid atau pelajar dengan guru, sebarang latar suasana seperti tempat, dan budaya yang sesuai boleh digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa.
2. Guru hendaklah berusaha untuk mengetahui atau membentuk “jurang informasi” supaya pembelajaran dan pengajaran bahasa dapat membangkitkan keseronokan, memberikan pengetahuan baru dan me-

ninggalkan kesan pembelajaran yang panjang.

3. Pelajar-pelajar diberikan kebebasan untuk menggunakan struktur-struktur bahasa semasa mereka membuat perhubungan. Namun begitu, guru boleh memainkan peranan untuk membetulkan kesilapan-kesilapan ketatabahasa, unsur-unsur budaya dalam situasi sosial dan sebagainya menerusi laporanbalik yang dijalankan selepas sesuatu kegiatan.

4. Guru tidak seharusnya menetapkan hukum-hukum tatabahasa kepada pelajar-pelajar sebelum sesuatu kegiatan berlangsung kerana penetapan hukum bahasa akan menghalang sesuatu kegiatan berjalan dengan licin. Walaupun Pendekatan Komunikatif memberikan kebebasan untuk menggunakan struktur-struktur bahasa atau penggunaan segala unsur linguistik dengan situasi, guru boleh merancang strategi pengajarannya yang matlamat akhirnya akan membuat pelajar memberikan kesimpulan akan sesuatu bentuk atau hukum/peraturan tatabahasa.

5. Pengajaran bahasa mengikut pendekatan komunikatif bersifat sintetik; yakni terlepas daripada ikatan penceranaan atau analisis. Pendekatan Komunikatif tidak bersifat analisis sepertimana pendekatan analisis semantik yang penuh dengan segala macam hukum atau pendekatan analisis struktural yang memecah-mecahkan ayat kepada unit-unit yang lebih kecil.

Berikut ialah beberapa kegiatan contoh pengajaran imbuhan dengan Pendekatan Komunikatif:

---

---

<b>KEGIATAN 1</b>	<b>:</b>	<b>MENEKA GAMBAR</b>
<b>IMBUHAN CONTOH</b>	<b>:</b>	<b>AWALAN PE</b>

---

---

Guru menyiapkan beberapa kepingan gambar yang menunjukkan beberapa alat (penyapu, pembaris, penyepit, pengetuk, pencukur) dan beberapa jenis pekerjaan (pelukis, penjual, penyanyi, petani, pemburu) lalu me-

letakkannya di antara dua kumpulan pelajar yang akan bertanding.

Guru menerangkan kepada pelajar-pelajar mengenai gambar tersebut menerusi lutsinar.

Setelah itu, pelajar dari kumpulan A mengambil kad dan pelajar-pelajar dari kumpulan B membuat tekaan dengan mengemukakan selebih-lebihnya 3 soalan sahaja sebelum meneka. Tekaan langsung tanpa mengemukakan soalan hendaklah ditegah.

Soalan contoh:

- Adakah gambar yang kamu pegang itu berkaitan dengan pekerjaan/perkakas? (YA)
- (Jika pekerjaan) Pekerjaan ini memerlukan bakat? (YA)
- (Cuba meneka) gambar seorang penyanyi.

---

---

<b>KEGIATAN 2</b>	<b>:</b>	<b>MENCARI PERBEZAAN</b>
<b>IMBUHAN CONTOH</b>	<b>:</b>	<b>AWALAN BER</b>

---

---

Guru menyiapkan dua gambar yang mempunyai latar situasi yang sama tetapi terdapat perbezaan-perbezaan kecil yang tidak ketara. Katakanlah gambar seorang wanita dan lelaki sedang berbual-bual di dalam sebuah bilik.

Pelajar-pelajar mencari perbezaan gambar tersebut dengan mengemukakan jawapan seperti berikut.

Jawapan contoh:

- Lelaki dalam gambar A bertopi, sementara lelaki dalam gambar B pula bersongkok.
- Tingkap dalam gambar B berlangsir, sementara dalam gambar B pula tidak berlangsir

---

---

**KEGIATAN 3** : **MELUKIS**  
**IMBUHAN CONTOH** : **AWALAN DI**

---

---

Pelajar-pelajar dikehendaki melukiskan gambar mengikut arahan guru.

- Lukisan gambar sebatang rotan.
- Rotan itu dipegang oleh seorang bapa.
- Budak itu disebat oleh bapanya.
- Bapa cuba ditahan oleh ibu.
- Adik sedang menangis lalu dipujuk oleh kakak.

Setelah selesai, guru bolehlah mengemukakan soalan dan dijawab oleh pelajar dengan menggunakan awalan di.

- Mengapa bapa memukul budak itu?
- Budak itu dipukul sebab degil.
- Mengapa adik menangis
- Adik menangis sebab diganggu oleh abangnya.

---

---

**KEGIATAN 4 : MENYATAKAN AKIBAT**  
**IMBUHAN CONTOH : AWALAN TER**

---

---

Seorang pelajar berlagak seperti doktor yang sedang menemui semua pesakitnya yang berbalut di kakinya. doktor menanyakan sebab kaki mereka berbalut.

- DOKTOR : Mengapa kaki awak berbalut?  
PESAKIT : Saya terpijak paku.
- Saya terjatuh ke dalam parit.
  - Saya tertendang batu.
  - Saya terpelecek.
  - Kaki saya tertusuk duri.
  - Kaki saya terkehel.  
dan sebagainya.
- DOKTOR : Bersihkan luka awak dan bubuh ubat ini.  
PESAKIT : Terima kasih.

Guru boleh meneruskan adegan seperti ini dengan menukarkan kepada tangan, kepala dan sebagainya atau adegan menghantar seorang pesakit menemui doktor.

---

---

**KEGIATAN : MEMBUAT ADUAN**  
**IMBUHAN CONTOH : AWALAN ME**

---

---

Seorang pelajar berlagak sebagai seorang anggota polis yang sedang menerima aduan. Pengadu dikehendaki menceritakan kejadian yang dialaminya dengan menggunakan imbuhan ME. Pelajar (yang berlagak seperti pengadu) yang dapat menggunakan paling banyak perkataan yang berimbuhan ME ini dianggap berjaya.

**POLIS** : Cuba awak ceritakan kejadian ini sepenuhnya supaya saya dapat menuliskan aduan awak ini dengan lengkap.

**PENGADU** : Ketika itu saya sedang **memasak** di dapur. Anak saya **membaca** buku di ruang tamu. Tiba-tiba muncul seorang perompak. Dia **men-gacu** pistolnya. Anak saya **menerpa** lalu **menggigit** tangan perompak itu. Perompak itu **menjadi** marah lalu cuba **mencekik** leher anak saya itu. Saya **menjerit** sekuat-kuat-nya. Perompak itu **menjadi** panik. Beberapa orang jiran saya **mendengar** jeritan saya dan langsung meluru ke rumah saya. Mereka **me-rampas** pistol di tangan perompak itu. Perompak itu cuba **melawan** tetapi jiran-jiran saya itu berjaya **menahannya**. Mereka **mengikat** tangan perompak itu lalu **menele- fon** polis.

Selain daripada kegiatan di atas, guru boleh menjalankan kegiatan-kegiatan komunikatif lain bagi mengatur strategi pengajaran dan pembelajaran imbuhan ini. Kegiatan-kegiatan tersebut boleh bercorak fungsional seperti:

- Menyusun cerita mengikut urutan
- Membaca peta
- Merancang darmawisata
- Membuat cadangan
- Menyatakan harapan dan sebagainya.



atau kegiatan-kegiatan yang bercorak sosial, seperti:

- Wawancara
  - Main peran
  - Bercerita
  - Menyelesaikan Masalah
  - Menyampaikan resepi masakan
  - Perbincangan
  - Perbahasan
  - Sumbang saran
  - Simulasi
  - Lakonan
- dan sebagainya.

Sekian, Semoga percakapan ini memanfaatkan kita.

---

#### BIBLIOGRAFI

1. Asraf (1990). *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM, Subsidi Sendirian Bhd.*
2. Brumfit C, J & Johnson K, (1979), *The Communicative Approach to Language Teaching, Oxford University Press.*
3. Halliday, M.A.K. (1975), *Learning How To Mean: Exploration In The Development of Language, New York, Elsevier.*
4. Harmer, Jeremy (1987), *Teaching and Learning Grammar, Longman.*
5. Kasmadi Haji Nasir (1989), *Pengajaran Bahasa Menurut Pendekatan Komunikatif, Sekata, JBMS, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura.*
6. Koh Boh Boon (1982), *Mengajar Imbuhan Melayu, Utusan Melayu.*
7. Larsen-Freeman, Diane (1986), *Techniques and Principles in Language Teaching, Oxford University Press.*
8. Littlewood, Willian (1981), *Communicative Language Teaching, Cambridge University Press.*
9. Lutfi Abas (1988), *Nahu Penambah Bahasa Malaysia, Penerbit Fajar Bakti.*
10. Tarigan, Henry Guntur (1988), *Berbicara Sebagai Suatu Ketramplilan Berbahasa, Penerbit Angkasa Bandung.*
11. Tarigan, Henry Guntur (1987), *Pengajaran Wacana, Penerbit Angkasa Bandung.*
12. Sharifah Alwiah Alsagoff (1988), *Ilmu Pendidikan: Pedagogi, Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.*